

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**  
**[KLANG ]**  
**TARIKH : 31 JULAI 2017**  
**SOALAN : 16**

**YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesudian Kementerian untuk '*ring-fence*' peruntukan kesihatan dari pemotongan belanjawan untuk menangani keperluan kesihatan yang berterusan di negara ini sebagai anjakan paradigma dalam pengurusan kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian berhadapan dengan cabaran yang besar di dalam menyediakan rawatan kesihatan dengan peningkatan dalam bilangan pesakit setiap tahun serta peningkatan kos operasi berikutan pertambahan fasiliti dan peralatan perubatan.

Meskipun ada pengurangan dalam bajet kerajaan persekutuan yang disediakan untuk Kesihatan, KKM telah melaksanakan langkah-langkah untuk mengoptimumkan perbelanjaan melalui perbelanjaan secara berhemah dan mengelakkan pembaziran. Dengan ini kementerian

berjaya memantapkan strategi perbelanjaan agar peruntukan yang disediakan tetap mencapai sasaran kearah perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. KKM juga melaksanakan inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS), Lean Healthcare dan pelaksanaan Konsep Hospital Kluster di samping mereka bentuk semula proses kerja (process reengineering) dan pengurusan rawatan penyakit berdasarkan nilai (value-based management). KKM juga mengutamakan penggunaan ubat generik, mengadakan perolehan secara berpusat bagi mendapatkan harga yang lebih rendah dan penggunaan *consumables* dan reagen secara berhemah, penjimatan penggunaan utiliti dan lain-lain langkah-langkah penjimatan. Dengan pelaksanaan langkah-langkah mengoptimumkan perbelanjaan, Kementerian akan dapat terus memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat, walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Setiap tahun Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengemukakan permohonan peruntukan pembangunan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan. Jumlah peruntukan yang diluluskan kepada KKM setiap tahun adalah berdasarkan kemampuan kewangan kerajaan pada tahun semasa.